



## **PEMBINGKAIAN BERITA STRATEGIK MALYSIAKINI TERHADAP PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) DARI 2010 HINGGA 2014**

*Azahar Kasim dan Nurdayana Mat Akhir*

Sesebuah negara maju mempunyai sistem pentadbiran dan sistem media tersendiri. Mohamad Abdul Nafi (2006), menjelaskan peranan media adalah bebas dan jarang pemerintah memperalatkan akhbar atau pun golongan elit bagi mencorakkan imej positif melalui pemberitaan dalam media massa. Bagaimanapun, diakui di mana-mana negara tidak ada satu organisasi media bebas daripada pelbagai pengaruh dan agenda tersembunyi daripada pemerintah atau golongan kecil yang mempunyai kuasa. Namun media tetap mempunyai peranannya sendiri dalam masyarakat. Samsudin A. Rahim (2001) menerangkan media dalam memainkan peranannya akan menjadi telinga dan mata kepada masyarakat. Media diharapkan sebagai pasaran bebas untuk memberi maklumat, iaitu memenuhi keperluan maklumat masyarakat di samping memberi pilihan berita yang dikira sesuai untuk mereka. Sehubungan itu, Mohamad Abdul Nafi (2006) media boleh dianggap sebagai sebuah instrumen yang berpengaruh kerana pemaparannya boleh membawa khalayak membuat interpretasi masing-masing terhadap sesuatu isu. Menurut Sherry (2004), media muncul dengan liputan maklumatnya yang memiliki kekuatan dan boleh membuat perubahan pada agenda publik. Media bukan sahaja setakat menghibur, tetapi membekalkan masyarakat dengan maklumat yang terpenting baik untuk sistem politik, institusi ekonomi dan gaya hidup.

Muhammad Raqib Mohd Sofian dan Adnan Hussein (2014), menyatakan media massa terutamanya akhbar-akhbar sering mempunyai akses yang sama daripada segi fakta dan maklumat mengenai sesuatu isu, namun mereka tetap memberi laporan yang berlainan memandangkan mereka juga mentafsir data yang diperolehi mengikut cara masing-masing. Boleh dikatakan maklumat yang disampaikan adalah sama cuma berbeza daripada segi penyampaiannya sahaja. Apabila hanya beberapa aspek penting ditonjolkan dalam akhbar, pembaca mungkin mempunyai perspektif yang berat sebelah terhadap sesuatu pihak sahaja lalu menyebabkan pembaca mempunyai interpretasi serta membuat kesimpulan yang tidak menyeluruh. Seterusnya Norhuda Salleh dan Dzurizah Ibrahim (2015) menyatakan media lebih daripada sekadar pemberi maklumat dan pendapat. Media mungkin tidak berjaya dalam mendorong khalayak memikirkan sesuatu, tetapi media sangat berjaya dalam mendorong pembacanya menentukan apa yang perlu difikirkan.

Masyarakat masa kini menggunakan pelbagai media untuk mendapatkan maklumat. Salah satu saluran media yang sering digunakan pada masa ini adalah akhbar atas talian yang berfungsi menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Seperti sedia maklum masyarakat mudah dipengaruhi oleh media yang menyampaikan maklumat. Mereka membaca sesuatu isu dan langsung membuat interpretasi sendiri. Hal ini akan memberi kesan langsung kepada pemikiran mereka sekiranya sesuatu berita dibingkaikan oleh pengarang dan wartawan. Pengarang dan wartawan mempunyai pelbagai cara membingkaikan berita termasuk menggunakan pendekatan berita strategik bagi memberi kesan secara langsung kepada pembaca. Kebanyakan berita strategi yang hendak digunakan oleh media massa mestilah mampu memberi kesan kepada khalayak. Menurut Cappella dan Jamieson (1997), khalayak tidak perlu membaca kesemua berita untuk melihat atau mendapatkan kesan, tetapi mereka boleh melihat kepada olahan berita dilakukan secara strategik dengan menggunakan beberapa pendekatan termasuk